



DAMINI CORPORATION



CMS OPUS PRIVATE EQUITY

KENYATAAN MEDIA

27HB MAC 2015

MAJLIS MENANDATANGANI PERJANJIAN LANGGANAN SAHAM, PEMEGANG SAHAM DAN OPSYEN DI ANTARA DAMINI CORPORATION SDN BHD DAN COPE OPPORTUNITIES 2 SDN BHD

Petaling Jaya, 27 Mac 2015 - Damini Corporation Sdn Bhd ("DMC"), merupakan sebuah syarikat yang telah dipilih oleh Unit Peneraju Agenda Bumiputera (TERAJU) iaitu sebuah unit strategik di bawah Jabatan Perdana Menteri sebagai salah sebuah syarikat dibawah program Syarikat Bumiputera Berprestasi Tinggi (TERAS) dimana pada hari ini, 27hb Mac 2015 DMC akan memeterai sebuah Perjanjian Langganan Saham, Pemegang Saham dan Opsyen bersama COPE Opportunities 2 Sdn Bhd ("COPE 2").

DMC telah ditubuhkan pada 9 Februari 1995 dengan modal berbayar semasa sebanyak RM5 juta. Aktiviti utama bagi DMC adalah membekalkan bahan kimia, reagen serta peralatan bagi loji rawatan air, menyediakan perkhidmatan membekalkan meter air serta khidmat kejuruteraan bagi syarikat konsesi pengedar air bersih, serta membekalkan bahan kimia dan *Marine Gas Oil (MGO)* bagi industri Oil & Gas.

Selain itu, DMC juga mempunyai dua kilang pembuatan sendiri yang ditempatkan di bawah anak syarikat DMC, dimana Delta Perdana Sdn Bhd merupakan syarikat yang terlibat dalam pembuatan meter air manakala Delta Prima Metering Sdn Bhd kini sedang dalam usaha bagi menghasilkan Meter Elektrik Digital dengan kerjasama rakan kongsi dari negara China.

COPE 2 merupakan dana amanah yang diuruskan oleh syarikat CMS OPUS Private Equity Sdn bhd . Dana COPE 2 ini merupakan dana ekuiti yang mematuhi syariah, dengan Tabung haji sebagai pelabur utama.COPE 2 akan melakukan pelaburan di dalam syarikat-syarikat bumiputera yang mematuhi syariah serta mempunyai rekod prestasi yang baik terutamanya di Malaysia.

Menurut Pengarah urusan DMC, Tuan Haji Borhanuddin Ramli “ pelaburan yang dilakukan oleh COPE 2 ini menunjukkan keyakinan mereka iaitu pihak pelabur terhadap potensi serta keupayaan syarikat kami. Malahan bagi pihak syarikat, ianya juga sejajar dengan hasrat syarikat kami iaitu untuk menjadi salah sebuah syarikat yang disenaraikan di Bursa Saham dalam tempoh 3 hingga 4 tahun yang akan datang”.

Di bawah Perjanjian Pemegang Saham, objektif utama bagi para pemegang saham syarikat adalah untuk menjadikan DMC sebagai peneraju utama di dalam industri air samaada di peringkat domestik mahupun antarabangsa di samping mempunyai perancangan masa hadapan yang teliti serta usaha yang terbaik untuk mengembangkan lagi sayap perniagaan DMC dengan lebih meluas didalam industri Oil & gas serta Meter Elektrik. Selain itu, adalah menjadi hasrat para pemegang saham agar DMC dapat menjadi salah sebuah syarikat yang tersenarai di bursa saham.

Ujarnya lagi, “Dari segi rekod bagi prestasi keuntungan syarikat, kami telah mencapai sasaran kuantitatif yang kami sasarkan. Akan tetapi, pihak syarikat ingin mengukuhkan lagi kedudukan syarikat terutamanya dari aspek kualitatif sebelum syarikat memohon untuk penyenaraian. Kami yakin dengan kehadiran COPE sebagai pelabur baru di dalam syarikat kami akan membantu meningkatkan lagi profil syarikat serta membantu syarikat dalam mencari serta mengenalpasti potensi (M&A) serta peluang-peluang perniagaan baru yang akan memberikan manfaat kepada syarikat.

Majlis ini juga turut dimeriahkan dengan kehadiran para tetamu jemputan khas yang terdiri daripada wakil Pelanggan serta pembekal utama syarikat seperti Puncak Niaga Sdn Bhd, Syarikat Bekalan Air Selangor (SYABAS), Syarikat air Johor (SAJ), Syarikat Air Negeri Sembilan (SAINS), Syarikat Air Melaka Berhad (SAMB), Aqua-Flo Sdn Bhd, Veolia Water, GOM Resources Sdn Bhd, Chemical Company of Malaysia Berhad (CCM), Taiko Marketing Sdn Bhd dan beberapa syarikat lain.

Disediakan oleh: Unit Komunikasi Korporat & Perhubungan Awam DMC

Untuk maklumat lanjut, sila hubungi :

Cik Zuhaila Khairi (0125988907) atau, Tuan Haji Borhanuddin Ramli, (03-7803 908)